



SABAH, MALAYSIA

Warta Kerajaan

Diterbitkan dengan kuasa

Jil. LXXII]

KOTA KINABALU, KHAMIS, 7 SEPTEMBER 2017

[No. 35

Kenyataan-kenyataan berikut adalah diterbitkan atas perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri untuk Makluman Umum.

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI SUKARTI BIN WAKIMAN,
Setiausaha Kerajaan Negeri.

No. 272

[No. SPANS: 800-1/28/4/4/85

KENAIKAN PANGKAT

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Choo Khim Tze @ Irene Choo secara hakiki ke jawatan Jurutera, Gred J44 mulai 29 Oktober 2015.

[No. SPANS: 800-1/28/4/4/85

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Lo Chee Shoon secara hakiki ke jawatan Jurutera, Gred J44 mulai 29 Oktober 2015.

[No. SPANS: 800-1/28/4/4/85

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Ng Yau Ming @ Charles Ng secara hakiki ke jawatan Jurutera, Gred J44 mulai 18 Mac 2016.

[No. SPANS: 800-1/26/4/2/229

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Kho Ka Liam secara hakiki ke jawatan Pegawai Perikanan, Gred G52 mulai 15 Mac 2017.

[No. SPANS: 800-1/26/4/2/229

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Sapli bin Mulok secara hakiki ke jawatan Pegawai Perikanan, Gred G52 mulai 15 Mac 2017.

KENAIKAN PANGKAT - (*samb.*)

[No. SPANS: 800-1/28/4/3/101]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Chung Chan Ngee secara hakiki ke jawatan Jurutera, Gred J48 mulai 19 April 2017.

[No. SPANS: 800-1/28/4/3/101]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Fadzilah @ Fadzil bin Abdul Ghani secara hakiki ke jawatan Jurutera, Gred J48 mulai 19 April 2017.

[No. SPANS: 800-1/28/4/4/85]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Prisca Thomas secara hakiki ke jawatan Jurutera, Gred J44 mulai 19 April 2017.

[No. SPANS: 800-1/28/4/4/85]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Tay Tshung Wang secara hakiki ke jawatan Jurutera, Gred J44 mulai 19 April 2017.

[No. SPANS: 600-1/001461/19]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Abdul Gafar bin Madin secara hakiki ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N54 mulai 21 April 2017.

[No. SPANS: 600-1/000054/6]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri telah meluluskan kenaikan pangkat Puan Hajah Siti Afsah bt. Mohd. Yati @ Mohd. Kudi secara hakiki ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N52 mulai 5 Jun 2017.

No. 273

[No. PMNS: (S): 600-1/2 JILID 15 (143)]

ENAKMEN FATWA 2004

(Enakmen No. 7 tahun 2004)

Atas kehendak subseksyen 6, seksyen 8 Enakmen Fatwa 2004, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah dengan ini memperkenankan Fatwa-fatwa yang telah disediakan oleh Majlis Fatwa Negeri Sabah mengenai:

- (i) Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah “Tariqah Hasaniah”;
- (ii) Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah “Pengharaman Buku “Islam Hadhari Menurut Pandangan Ustaz Ashaari Muhammad””;
- (iii) Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah “Black Metal”;
- (iv) Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah “Ajaran Islam Jama’ah Di Negeri Sabah”;
- (v) Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah “Fahaman Liberalisme Dan Pluralisme Menurut Pandangan Islam”;

- (vi) Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah “Kumpulan Tal Tujuh”;
- (vii) Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah “Gerakan Kumpulan Muhammadiyah, Wahabiyyah Dan Ittiba’ Al-Sunnah di Malaysia”;
- (viii) Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah “Buku Bertajuk “Membela Sunnah Al Nabawiyah” Karangan Abd. Wahab Bustami”;
- (ix) Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah “Ajaran Syiah Di Negeri Sabah”;
- (x) Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah “Semakan Semula Fatwa Ajaran Baha’I”;
- (xi) Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah “Isu Umat Islam Malaysia Yang Berjuang Atas Nama ISIS Pegangan Dan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah”;
- (xii) Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah “Pegangan Dan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah”;
- (xiii) Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah “Ajaran Millah Abraham @ Ibrahim”;
- (xiv) Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah “Ajaran Ilmu Makrifat (Menenal Allah/ Diri) Oleh Mohd. Yusof Cik Wook Yang Disebarkan Oleh Haji Shaari Mohd. Yusof;”
- (xv) Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah “Fahaman Dan Ajaran Hizbut Tahrir”;
- (xvi) Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah “Laporan Kajian Buku-Buku Hairi Nonchi”;
- (xvii) Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah “Aliran Dan Dakyah Wahabiah”

**KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH
MENGENAI “TARIQAH HASANIAH”**

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 1/2005 telah bersidang pada 12-14 September 2005M/8-10 Sya’ban 1426H, bertempat di Pacific Sutera, Kota Kinabalu, Sabah bagi membincangkan mengenai perkara “Tariqah Hasaniah” dan telah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:

- (a) Tariqah Hasaniah adalah sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam.
- (b) Bahawa pengharaman ini meliputi:
 - (i) Apa-apa variasi, versi, bentuk atau cabang mana-mana ajaran tersebut di (a) di atas, dan termasuk apa-apa pegangan ideologi, falsafah atau sistem amalan yang tidak diakui dan bertentangan dengan syariat Islam dan pegangan oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah;
 - (ii) Apa-apa bahan publisiti termasuklah apa-apa terbitan sama ada yang dicetak, bertulis, ditaip atau dikeluarkan dengan apa-apa cara lain dan apa-apa bentuk untuk dibaca, dilihat atau didengar yang berkaitan dengan ajaran di (a) di atas.
- (c) Oleh itu, umat Islam adalah dilarang mengamal ajaran, pegangan dan fahaman Tariqah Hasaniah, menjadi ahli, mengetuai, memimpin, memberi ceramah, mengadakan kelas pendidikan dan pembelajaran, mengadakan apa-apa aktiviti ekonomi, sosial, program persembahan kesenian dan kebudayaan dan aktiviti-aktiviti lain yang bertujuan untuk menghidup, menyebarkan dan mengembangkan ajaran ini.

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH
MENGENAI ‘TARIQAH HASANIAH’ - (*samb.*)

- (d) Orang-orang Islam adalah juga dilarang memiliki, menyimpan, mencetak, menjual termasuk mengedarkan filem, rakaman audio, pamphlet, buku-buku, majalah atau apa-apa terbitan, risalah dan apa-apa dokumen, menggunakan sebarang bentuk lambang, rajah atau tanda-tanda yang boleh mengaitkan Tariqah Hasaniah dengan ajaran Islam.

SS. DATUK USTAZ HAJI BUNGSU @ AZIZ BIN HAJI JAAFAR,
*Mufti Kerajaan Negeri Sabah Merangkap
Pengerusi Majlis Fatwa Negeri Sabah.*

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH
MENGENAI PENGHARAMAN BUKU “ISLAM HADHARI MENURUT
PANDANGAN USTAZ HAJI ASHAARI MUHAMMAD”

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 1/2005 telah bersidang pada 12-14 September 2005M/8-10 Sya’ban 1426H, bertempat di Pacific Sutera, Kota Kinabalu, Sabah bagi membincangkan mengenai pengharaman buku “Islam Hadhari Menurut Pandangan Ustaz Haji Ashaari Muhammad” dan telah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:

- (a) Buku yang bertajuk “Islam Hadhari Menurut Pandangan Ust. Haji Ashaari Muhammad” adalah mengandungi perkara-perkara yang menyalahi fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah dan fakta-fakta Syarak serta mengelirukan masyarakat Islam oleh itu adalah diharamkan.
- (b) Bahawa pengharaman ini meliputi apa-apa terbitan sama ada dicetak, ditaip, ditulis tangan atau dikeluarkan dengan apa-apa cara lain dan apa-apa bentuk keluaran ulangnya, dan termasuklah apa-apa filem seperti wayang gambar, pita rakaman, cakera padat, cakera laser atau sebuah rekod walau bagaimanapun ianya dibuat, dari suatu imej berdasarkan penglihatan, yang mana-adalah sebuah rekod yang mampu digunakan sebagai suatu alat menayangkan isi kandung buku-buku di (a) di atas untuk dibaca, dilihat atau didengar.
- (c) Orang-orang Islam adalah dilarang memiliki, menyimpan, mencetak, menjual termasuk mengedarkan untuk dijual apa-apa terbitan berkenaan isi kandung buku-buku di (a) di atas”.

SS. DATUK USTAZ HAJI BUNGSU @ AZIZ BIN HAJI JAAFAR,
*Mufti Kerajaan Negeri Sabah Merangkap
Pengerusi Majlis Fatwa Negeri Sabah.*

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH
MENGENAI “BLACK METAL”

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 1/2006 telah bersidang pada 14-16 Februari 2006M/15-17 Muharram 1427H, bertempat di Bilik Mesyuarat, Pejabat Mufti Negeri Sabah, Kota Kinabalu, Sabah bagi membincangkan mengenai perkara “Black Metal” dan telah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:

Kumpulan Black Metal adalah sesat dan boleh menyebabkan seseorang itu terkeluar daripada Islam.

SS. DATUK USTAZ HAJI BUNGSU @ AZIZ BIN HAJI JAAFAR,
*Mufti Kerajaan Negeri Sabah Merangkap
Pengerusi Majlis Fatwa Negeri Sabah.*

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH
MENGENAI “AJARAN ISLAM JAMA’AH DI NEGERI SABAH”

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 2/2006 telah bersidang pada 27-28 Jun 2006M/1-2 Jamadilakhir 1427H, bertempat di Bilik Mesyuarat, Pejabat Mufti Negeri Sabah, Kota Kinabalu, Sabah bagi membincangkan mengenai perkara “Ajaran Islam Jama’ah Di Negeri Sabah” dan telah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:

- (a) Ajaran Islam Jama’ah adalah sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenarnya.
- (b) Bahawa pengharaman ini meliputi:
 - (i) Apa-apa variasi, versi bentuk atau cabang mana-mana ajaran tersebut di (a) di atas, dan termasuk apa-apa pegangan ideologi, falsafah atau sistem amalan yang tidak diakui dan bertentangan dengan syariat Islam dan pegangan oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah;
 - (ii) Apa-apa bahan publisiti termasuklah apa-apa terbitan sama ada yang dicetak, bertulis, ditaip atau dikeluarkan dengan apa-apa cara lain dan apa-apa bentuk untuk dibaca, dilihat atau didengar yang berkaitan dengan ajaran di (a) di atas.
- (c) Oleh itu, umat Islam adalah dilarang mengamal ajaran, pegangan dan fahaman ajaran Islam Jamaah, menjadi ahli, mengetuai, memimpin, memberi ceramah, mengadakan kelas pendidikan dan pembelajaran, mengadakan apa-apa aktiviti ekonomi, sosial, program persembahan kesenian dan kebudayaan dan aktiviti-aktiviti lain yang bertujuan untuk menghidup, menyebarkan dan mengembangkan ajaran ini.
- (d) Orang-orang Islam adalah juga dilarang memiliki, menyimpan, mencetak, menjual termasuk mengedarkan filem, rakaman audio, pamphlet, buku-buku, majalah atau apa-apa terbitan, risalah dan apa-apa dokumen, menggunakan sebarang bentuk lambang, rajah atau tanda-tanda yang boleh mengaitkan ajaran Islam Jama’ah dengan ajaran Islam.

SS. DATUK USTAZ HAJI BUNGSU @ AZIZ BIN HAJI JAAFAR,
*Mufti Kerajaan Negeri Sabah Merangkap
Pengerusi Majlis Fatwa Negeri Sabah.*

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH
MENGENAI “FAHAMAN LIBERALISME DAN PLURALISME MENURUT
PANDANGAN ISLAM”

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 3/2006 telah bersidang pada 27-28 Jun 2006M/1-2 Jamadilakhir 1427H, bertempat di Bilik Mesyuarat, Pejabat Mufti Negeri Sabah, Kota Kinabalu, Sabah bagi membincangkan mengenai perkara “Fahaman Liberalisme Dan Pluralisme Menurut Pandangan Islam” dan telah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:

- (a) Liberalisme bermaksud suatu aliran pemikiran yang memberikan kebebasan mutlak kepada individu dalam menafsirkan ajaran Islam tanpa terikat dengan dasar dan sumber ajaran Islam yang telah disepakati oleh para ulama muftabar.
- (b) Pluralisme bermaksud fahaman atau keyakinan bahawa agama Islam adalah sama dengan agama-agama lain dan tidak ada mana-mana agama yang boleh mengaku agamanya lebih benar dari agama lain.
- (c) Kedua-dua aliran pemikiran dan fahaman ini adalah sesat dan menyesatkan serta boleh membawa seseorang itu terkeluar dari agama Islam.

SS. DATUK USTAZ HAJI BUNGSU @ AZIZ BIN HAJI JAAFAR,
Mufti Kerajaan Negeri Sabah Merangkap
Pengerusi Majlis Fatwa Negeri Sabah.

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH
MENGENAI “KUMPULAN TAL TUJUH”

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 1/2007 telah bersidang pada 28-29 Mei 2007M/11-12 Jamadilawal 1428H, bertempat di Bilik Mesyuarat, Pejabat Mufti Negeri Sabah, Kota Kinabalu, Sabah bagi membincangkan mengenai perkara “Kumpulan Tal Tujuh” dan telah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:

- (a) Ajaran tersebut adalah menyeleweng daripada ajaran Islam.
- (b) Bahawa pengharaman ini meliputi:
 - (i) Apa-apa variasi, versi, bentuk atau cabang mana-mana ajaran tersebut di (a) di atas, dan termasuk apa-apa pegangan ideologi, falsafah atau sistem amalan yang tidak diakui dan bertentangan dengan syariat Islam dan pegangan oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah;
 - (ii) Apa-apa bahan publisiti termasuklah apa-apa terbitan sama ada yang dicetak, bertulis, ditaip atau dikeluarkan dengan apa-apa cara lain dan apa-apa bentuk untuk dibaca, dilihat atau didengar yang berkaitan dengan ajaran di (a) di atas.

- (iii) Oleh itu, umat Islam adalah dilarang mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman ajaran Tal Tujuh, menjadi ahli, mengetuai, memimpin, memberi ceramah, mengadakan kelas pendidikan dan pembelajaran, mengadakan apa-apa aktiviti ekonomi, sosial, program persembahan kesenian dan kebudayaan dan aktiviti-aktiviti lain yang bertujuan untuk menghidup, menyebarkan dan mengembangkan ajaran ini,
- (iv) Orang-orang Islam adalah juga dilarang memiliki, menyimpan, mencetak, menjual termasuk mengedarkan filem, rakaman audio, pamphlet, buku-buku, majalah atau apa-apa terbitan, risalah dan apa-apa dokumen, menggunakan sebarang bentuk lambang, rajah atau tanda-tanda yang boleh mengaitkan ajaran Tal Tujuh dengan ajaran Islam.

SS. DATUK USTAZ HAJI BUNGSU @ AZIZ BIN HAJI JAAFAR,
Mufti Kerajaan Negeri Sabah Merangkap
Pengerusi Majlis Fatwa Negeri Sabah.

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH
MENGENAI “GERAKAN KUMPULAN MUHAMMADIYYAH WAHABIYYAH
DAN ITBA’ AL-SUNNAH DI MALAYSIA”

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 1/2009 telah bersidang pada 13-14 Mei 2009M/18-19 Jamadilawal 1430H, bertempat di Pavilion Hall, Hotel Tang Dynasty Park, Kota Kinabalu, Sabah bagi membincangkan mengenai perkara “Gerakan Kumpulan Muhammadiyyah, Wahabiyyah Dan Itba’ Al-Sunnah Di Malaysia” dan telah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:

- (a) Ajaran Muhammadiyyah, Wahabiyyah dan Itba’ al-Sunnah adalah bertentangan dengan maslahat dakwah dan dasar kerajaan yang boleh memecahbelahkan perpaduan di kalangan umat Islam di Malaysia.
- (b) Bahawa pengharaman ini meliputi:
 - (i) Apa-apa variasi, versi, bentuk atau cabang mana-mana ajaran tersebut di (a) di atas, dan termasuk apa-apa pegangan ideologi, falsafah atau sistem amalan yang tidak diakui dan bertentangan dengan syariat Islam dan pegangan oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah;
 - (ii) Apa-apa bahan publisiti termasuklah apa-apa terbitan sama ada yang dicetak, bertulis, ditaip atau dikeluarkan dengan apa-apa cara lain dan apa-apa bentuk untuk dibaca, dilihat atau didengar yang berkaitan dengan ajaran di (a) di atas.

Oleh itu, umat Islam adalah dilarang mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman ajaran tersebut, menjadi ahli, mengetuai, memimpin, memberi ceramah, mengadakan kelas pendidikan dan pembelajaran, mengadakan apa-apa aktiviti ekonomi, sosial, program persembahan kesenian dan kebudayaan dan aktiviti-aktiviti lain yang bertujuan untuk menghidup, menyebarkan dan mengembangkan ajaran di (a) ini.

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH
MENGENAI “GERAKAN KUMPULAN MUHAMMADIYYAH WAHABIYYAH
DAN ITBA’ AL-SUNNAH DI MALAYSIA” - (*samb.*)

Orang-orang Islam adalah juga dilarang memiliki, menyimpan, mencetak, menjual termasuk mengedarkan filem, rakaman audio, pamphlet, buku-buku, majalah atau apa-apa terbitan, risalah dan apa-apa dokumen, menggunakan sebarang bentuk lambang, rajah atau tanda-tanda yang boleh mengaitkan ajaran di (*a*) dengan ajaran Islam.

SS. DATUK USTAZ HAJI BUNGSU @ AZIZ BIN HAJI JAAFAR,
*Mufti Kerajaan Negeri Sabah Merangkap
Pengerusi Majlis Fatwa Negeri Sabah.*

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH
MENGENAI BUKU BERTAJUK “MEMBELA SUNNAH NABAWIYAH
KARANGAN ABD WAHAB BUSTAMI”

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 1/2009 telah bersidang pada 13-14 Mei 2009M/18-19 Jamadilawal 1430H, bertempat di Pavilion Hall, Hotel Tang Dynasty Park, Kota Kinabalu, Sabah bagi membincangkan mengenai Buku Bertajuk “Membela Sunnah Nabawiyah Karangan Abd Wahab Bustami” dan telah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:

- (a) Kandungan buku ini tidak sesuai dibaca oleh masyarakat awam kerana mengandungi perkara-perkara yang berbentuk *khilafiah mazhabiah* yang mungkin boleh mengelirukan masyarakat Islam di Malaysia.
- (b) Sesiapa yang hendak membaca buku ini, perlulah mendapat bimbingan dari mereka yang arif dalam hukum syarak.
- (c) Penyebaran buku ini perlu mendapat pemantauan daripada pihak berkuasa dari semasa ke semasa.

SS. DATUK USTAZ HAJI BUNGSU @ AZIZ BIN HAJI JAAFAR,
*Mufti Kerajaan Negeri Sabah Merangkap
Pengerusi Majlis Fatwa Negeri Sabah.*

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH
MENGENAI “AJARAN SYIAH DI NEGERI SABAH”

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 1/2013 telah bersidang pada 2-4 Disember 2013M/28 Muharram - 1 Safar 1435H, bertempat di Hotel Promenade, Kota Kinabalu, Sabah bagi membincangkan mengenai perkara “Ajaran Syiah Di Negeri Sabah” dan telah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:

- (a) Fahaman dan ajaran Syiah adalah bercanggah dan menyeleweng dari ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah.
- (b) Fahaman dan ajaran ini bercanggah dengan ajaran Islam dari sudut Aqidah, Syariah, Akhlak dan membawa kepada perpecahan umat serta boleh mengancam keselamatan Negara.
1. Penyelewengan dari Sudut Aqidah, antaranya:
 - (i) Mempercayai Imam-imam Syiah adalah Ma'sum;
 - (ii) Mempercayai doktrin al-Raj'ah iaitu kemunculan semula Imam Mahdi dan kumpulan orang yang telah mati untuk melaksanakan keadilan;
 - (iii) Mengamalkan doktrin al-Taqiyyah;
 - (iv) Meletakkan Saidina Ali sama taraf dengan Allah SWT dalam menentukan ahli syurga dan ahli neraka;
 - (v) Menghalalkan Nikah Mut'ah;
 - (vi) Meyakini pelantikan Khalifah selepas Rasulullah SAW adalah secara nas;
 - (vii) Meyakini konsep al-Bada' iaitu Ilmu Allah berubah-ubah mengikut sesuatu peristiwa yang berlaku kepada manusia;
 - (viii) Menentukan Imam Mahdi Al-Muntazar;
 - (ix) Mengkafirkan sebahagian besar para sahabat Rasulullah SAW;
 - (x) Menambah frasa 'Saidina Ali wali Allah' di dalam Syahadah;
 - (xi) Menolak Hadis yang diriwayatkan oleh imam-imam Ahli Sunnah Wal Jama'ah sekalipun Hadis Mutawatir;
 - (xii) Menziarahi Kubur Saidina Husain akan mendapat ganjaran Syurga;
 - (xiii) Menyiksa tubuh badan sempena 10 Muharram;
 - (xiv) Menghina Abu Bakar dan Umar serta dua orang isteri Nabi SAW iaitu Saidatina Aishah dan Hafsa;
 - (xv) Menuduh Abu Bakar, Umar, Uthman dan Mu'awiyah sebagai empat berhala Quraisy serta pengikut-pengikut mereka adalah musuh Allah; dan
 - (xvi) Mempercayai hanya Saidina Ali yang menghimpun al-Quran dengan sempurna.
 2. Penyelewengan dari Sudut Syariah, antaranya:
 - (i) Menolak Ijma' Ulama';
 - (ii) Menolak Qiyas;
 - (iii) Mengamalkan Nikah Mut'ah;
 - (iv) Mengharuskan solat Jamak dalam semua keadaan;
 - (v) Menetapkan prinsip Khumus sebagai Kadar Zakat; dan
 - (vi) Mewajibkan menyapu (al-mash) sahaja kedua-dua kaki ketika wudhu.

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH
MENGENAI “AJARAN SYIAH DI NEGERI SABAH” - (*samb.*)

- (c) Bahagian pengharaman ini meliputi:
- (i) Apa-apa variasi, versi, bentuk atau cabang mana-mana ajaran tersebut di (a) di atas, dan termasuk apa-apa pegangan ideologi, falsafah atau sistem amalan yang tidak diakui dan bertentangan dengan syariat Islam dan pegangan oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah;
 - (ii) Apa-apa bahan publisiti termasuklah apa-apa terbitan sama ada yang dicetak, bertulis, ditaip atau dikeluarkan dengan apa-apa cara lain dan apa-apa bentuk untuk dibaca, dilihat atau didengar yang berkaitan dengan ajaran di (a) di atas.

Oleh itu, umat Islam adalah dilarang mengamal ajaran, pegangan dan fahaman ajaran Syiah, menjadi ahli, mengetuai, memimpin, memberi ceramah, mengadakan kelas pendidikan dan pembelajaran, mengadakan apa-apa aktiviti ekonomi, sosial, program persembahan kesenian dan kebudayaan dan aktiviti-aktiviti lain yang bertujuan untuk menghidup, menyebarkan dan mengembangkan ajaran ini.

Orang-orang Islam adalah juga dilarang memiliki, menyimpan, mencetak, menjual termasuk mengedarkan filem, rakaman audio, pamphlet, buku-buku, majalah atau apa-japa terbitan, risalah dan apa-apa dokumen, menggunakan sebarang bentuk lambang, rajah atau tanda-tanda yang boleh mengaitkan ajaran Syiah dengan ajaran Islam.

SS. DATUK USTAZ HAJI BUNGSU @ AZIZ BIN HAJI JAAFAR,
*Mufti Kerajaan Negeri Sabah Merangkap
Pengerusi Majlis Fatwa Negeri Sabah.*

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH
MENGENAI “SEMAKAN SEMULA FATWA AJARAN BAHĀ’I”

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 1/2015 telah bersidang pada 28-30 Julai 2015M/15-17 Jamadilakhir 1435H, bertempat di Bilik Sri Beringgis, TH Hotel & Residence, Kota Kinabalu, Sabah bagi membincangkan mengenai perkara “Semakan Semula Fatwa Ajaran Baha’i” dan telah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:

Ajaran Baha’i adalah bukan ajaran Islam. Umat Islam yang terlibat dengannya adalah murtad. Oleh itu umat Islam adalah dilarang dan haram melibatkan diri dengannya dan siapa yang telah terlibat hendaklah segera keluar dan bertaubat.

Oleh itu, fatwa yang telah diwartakan pada 11 Disember 2003 Bil. Rujukan No. 1,037 (No. JPBN: 308/6) adalah dibatalkan.

SS. DATUK USTAZ HAJI BUNGSU @ AZIZ BIN HAJI JAAFAR,
*Mufti Kerajaan Negeri Sabah Merangkap
Pengerusi Majlis Fatwa Negeri Sabah.*

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH
MENGENAI “ISU UMAT ISLAM MALAYSIA YANG BERJUANG ATAS
NAMA ISIS”

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 2/2015 telah bersidang pada 27-29 Oktober 2015M/14-16 Muharam 1437H, bertempat di Hyatt Regency Kinabalu, Kota Kinabalu, Sabah bagi membincangkan mengenai perkara “Isu Umat Islam Malaysia Yang Berjuang Atas Nama ISIS” dan telah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:

1. Muzakarah menegaskan bahawa tindakan umat Islam dari Malaysia yang telah ataupun yang ingin berjuang atas nama jihad di bumi Syria bagi menyokong golongan ISIS atau ISIL adalah sia-sia kerana perjuangan mereka tidak tergolong sebagai jihad dan kematian mereka juga tidak dikategorikan sebagai syahid menurut kerangka Hukum Syarak.
2. Muzakarah menasihatkan seluruh umat Islam di Malaysia supaya menginsafi diri dan tidak mudah terpengaruh atau terjebak dengan keganasan dan propaganda perjuangan kumpulan ISIS dan ISIL ini.

SS. DATUK USTAZ HAJI BUNGSU @ AZIZ BIN HAJI JAAFAR,
*Mufti Kerajaan Negeri Sabah Merangkap
Pengerusi Majlis Fatwa Negeri Sabah.*

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH
MENGENAI “PEGANGAN DAN AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMAAH”

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 2/2016 telah bersidang pada 24-26 Mei 2016M/17-16 Muharam 1437H, bertempat di Mount Kinabalu Heritage Resort & Spa, Kundasang, Sabah bagi membincangkan mengenai perkara “Pegangan Dan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah” dan telah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:

1. Ahli Sunnah wa al-Jama'ah merujuk kepada kelompok majoriti umat Islam yang berpegang dengan ajaran Islam yang sebenar berdasarkan al-Qur'an dan panduan Nabi Muhammad SAW, para sahabat dan para ulama' Islam muktabar. Oleh itu, umat Islam hendaklah berpegang dalam hal berkaitan dengan;
 - (a) Aqidah dan Tauhid, berdasarkan hanya kepada pegangan Imam Abu Hassan al-Ash'ari dan Imam Abu Mansur al-Maturidi.
 - (b) Fiqh dan Syariah, berdasarkan Mazhab Syafi'i di samping meraikan mazhab Hanafi, Maliki, Hanbali dan pandangan Imam-imam muktabar yang lain.
 - (c) Tasawwuf, berdasarkan manhaj sufi berwibawa seperti Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali.

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH MENGENAI
“PEGANGAN DAN AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMAAH” - (*samb.*)

2. Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan yang mengamalkan (termasuk mempercayai, berpegang, berkeyakinan dan seumpamanya) selain daripada perkara (a), (b), dan (c) adalah menjadi suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Sabah 1995 atau mana-mana undang-undang lain yang berkuat kuasa di Negeri Sabah.

SS. DATUK USTAZ HAJI BUNGSU @ AZIZ BIN HAJI JAAFAR,
*Mufti Kerajaan Negeri Sabah Merangkap
Pengerusi Majlis Fatwa Negeri Sabah.*

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH
MENGENAI “AJARAN MILLAH ABRAHAM @ IBRAHIM”

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 2/2016 telah bersidang pada 24-26 Mei 2016M/17-19 Syaaban 1437H, bertempat di Mount Kinabalu Heritage Resort & Spa, Kundasang, Sabah bagi membincangkan mengenai perkara “Ajaran Millah Abraham @ Ibrahim” dan telah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:

1. Bahawa fahaman dan ajaran Millah Abraham @ Ibrahim adalah menyeleweng dan bertentangan dengan ajaran Islam kerana mengandungi elemen-elemen meragukan antaranya seperti berikut:
 - (i) Membawa ajaran dan Kerajaan Baru (Millah Abraham @ Ibrahim @ Negeri Karunia Tuan Semesta Alam Nusantara);
 - (ii) Mendakwa ada Rasul selepas Nabi Muhammad SAW;
 - (iii) Mensyirikkan golongan yang tidak mengikuti Millah Abraham @ Ibrahim @ Negeri Karunia Tuan Semesta Alam Nusantara;
 - (iv) Menggabungkan tiga (3) ajaran agama iaitu Islam, Kristian dan Yahudi;
 - (v) Menyalah ertikan maksud Kiamat;
 - (vi) Memahami al-Quran mengikut tafsiran sendiri;
 - (vii) Menganggap Solat Lima Waktu dan Solat Jumaat tidak disyariatkan;
 - (viii) Taksud dan memutuskan hubungan keluarga dan suami isteri;
 - (ix) Mewajibkan perjanjian (*Bai'ah*) ke atas setiap anggota.
2. Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan adalah dilarang dan diharamkan untuk berpegang kepada fahaman atau ajaran Millah Abraham @ Ibrahim termasuklah:-

- (i) Menjadi pengikut kepada fahaman atau ajaran Millah Abraham @ Ibrahim atau apa-apa fahaman atau ajaran yang mempunyai persamaan dengan fahaman atau ajaran Millah Abraham @ Ibrahim;
 - (ii) Berada di dalam majlis, perayaan atau sambutan keraian yang boleh dikaitkan dengan fahaman atau ajaran Millah Abraham @ Ibrahim;
 - (iii) Mengisytiharkan diri sebagai orang yang berpegang dengan fahaman atau ajaran Millah Abraham @ Ibrahim atau apa-apa ajaran yang mempunyai persamaan dengannya melalui pengakuan bersumpah atau apa-apa kaedah lain;
 - (iv) Berselindung di sebalik apa-apa aktiviti ekonomi, perniagaan, pendidikan, kesenian dan sebagainya melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat, yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan ajaran, pegangan dan fahaman mereka yang berpegang dengan fahaman atau ajaran Millah Abraham @ Ibrahim;
 - (v) Melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang cuba menghidupkan kembali ajaran dan fahaman mereka yang berpegang dengan fahaman atau ajaran Millah Abraham @ Ibrahim;
 - (vi) Mengajar, menganjur, mengadakan, membantu menjayakan apa-apa perayaan, sambutan keraian atau majlis yang boleh dikaitkan dengan fahaman mereka yang berpegang dengan ajaran Millah Abraham @ Ibrahim;
 - (vii) Memiliki, menyimpan, mencetak, menjual atau mengedar filem, rakaman audio, risalah, buku-buku, majalah atau apa-apa terbitan, risalah atau apa-apa dokumen menggunakan sebarang bentuk lambang, rajah atau tanda-tanda yang boleh mengaitkan ajaran dan Millah Abraham @ Ibrahim;
 - (viii) Telah berbai'ah (taat setia) dengan fahaman dan ajaran Millah Abraham @ Ibrahim; atau
 - (ix) Mengamalkan, menyebarkan dan mengembangkan fahaman dan ajaran Millah Abraham @ Ibrahim di Negeri Sabah.
3. Mana-mana orang yang telah berbai'ah atau mengamalkan fahaman dan ajaran Millah Abraham @ Ibrahim adalah disifatkan mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar dan hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan kepada Allah;
 4. Apa-apa variasi, versi, bentuk atau cabang mana-mana ajaran, pegangan atau fahaman baru yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur ajaran, pegangan dan fahaman mereka yang berpegang dengan fahaman atau ajaran Millah Abraham @ Ibrahim adalah disifatkan mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar;
 5. Apa-apa jua bahan publisiti dan sebaran yang menonjolkan ajaran, pegangan atau fahaman mereka yang berpegang dengan fahaman atau ajaran Millah Abraham @ Ibrahim atau apa-apa fahaman atau ajaran yang mempunyai persamaan dengannya dalam apa jua bentuk penerbitan dan cetakan atau siaran dalam mana-mana laman sesawang, blog, facebook, *twitter* atau media sosial lain adalah diharamkan;

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH
MENGENAI “AJARAN MILLAH ABRAHAM @ IBRAHIM” - (*samb.*)

6. Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan yang melakukan perkara-perkara di atas adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Sabah 1995 atau mana-mana undang-undang lain yang berkuat kuasa di Negeri Sabah.

SS. DATUK USTAZ HAJI BUNGSU @ AZIZ BIN HAJI JAAFAR,
*Mufti Kerajaan Negeri Sabah Merangkap
Pengerusi Majlis Fatwa Negeri Sabah.*

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH MENGENAI “AJARAN
ILMU MAKRFAT (MENGENAL ALLAH/DIRI) OLEH MOHD. YUSOF
CIK WOOK YANG DISEBARKAN OLEH HAJI SHAARI MOHD. YUSOF”

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 2/2016 telah bersidang pada 24-26 Mei 2016M/17-19 Syaaban 1437H, bertempat di Mount Kinabalu Heritage Resort & Spa, Kundasang, Sabah bagi membincangkan mengenai perkara “Ajaran Ilmu Makrifat (Mengenal Allah/Diri) Oleh Mohd. Yusof Cik Wook Yang Disebarkan Oleh Haji Shaari Mohd. Yusof” dan telah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:

1. Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa Ajaran Ilmu Makrifat (Mengenal Allah/Diri) Oleh Mohd. Yusof Cik Wook Yang Disebarkan Oleh Haji Shaari Mohd. Yusof adalah sesat dan menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar.
2. Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan adalah dilarang dan diharamkan untuk berpegang kepada Ajaran Ilmu Makrifat (Mengenal Allah/Diri) Oleh Mohd. Yusof Cik Wook Yang Disebarkan Oleh Haji Shaari Mohd. Yusof termasuklah:-
 - (i) Menjadi pengikut kepada fahaman atau Ajaran Ilmu Makrifat (Mengenal Allah/Diri) Oleh Mohd. Yusof Cik Wook Yang Disebarkan Oleh Haji Shaari Mohd. Yusof atau apa-apa fahaman atau ajaran yang mempunyai persamaan dengan ajaran Ajaran Ilmu Makrifat (Mengenal Allah/Diri) Oleh Mohd. Yusof Cik Wook Yang Disebarkan Oleh Haji Shaari Mohd. Yusof;
 - (ii) Berada di dalam majlis, perayaan atau sambutan keraian yang boleh dikaitkan dengan Ajaran Ilmu Makrifat (Mengenal Allah/Diri) Oleh Mohd. Yusof Cik Wook Yang Disebarkan Oleh Haji Shaari Mohd. Yusof;
 - (iii) Mengisytiharkan diri sebagai yang berpegang dengan Ajaran Ilmu Makrifat (Mengenal Allah/Diri) Oleh Mohd. Yusof Cik Wook Yang Disebarkan Oleh Haji Shaari Mohd. Yusof atau apa-apa ajaran yang mempunyai persamaan dengannya melalui pengakuan bersumpah atau apa-apa kaedah lain;

-
- (iv) Berselindung di sebalik apa-apa aktiviti ekonomi, perniagaan, pendidikan, kesenian dan sebagainya melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat, yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan ajaran, pegangan dan fahaman mereka yang berpegang dengan Ajaran Ilmu Makrifat (Mengenal Allah/Diri) Oleh Mohd. Yusof Cik Wook Yang Disebarkan Oleh Haji Shaari Mohd. Yusof;
 - (v) Melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang cuba menghidupkan kembali ajaran dan fahaman mereka yang berpegang dengan Ajaran Ilmu Makrifat (Mengenal Allah/Diri) Oleh Mohd. Yusof Cik Wook Yang Disebarkan Oleh Haji Shaari Mohd. Yusof;
 - (vi) Mengajar, menganjur, mengadakan, membantu menjayakan apa-apa perayaan, sambutan keraian atau majlis yang boleh dikaitkan dengan fahaman mereka yang berpegang dengan Ajaran Ilmu Makrifat (Mengenal Allah/Diri) Oleh Mohd. Yusof Cik Wook Yang Disebarkan Oleh Haji Shaari Mohd. Yusof;
 - (vii) Memiliki, menyimpan, mencetak, menjual atau mengedar filem, rakaman audio, risalah, buku-buku, majalah atau apa-apa terbitan, risalah atau apa-apa dokumen menggunakan sebarang bentuk lambang, rajah atau tanda-tanda yang boleh mengaitkan Ajaran Ilmu Makrifat (Mengenal Allah/Diri) Oleh Mohd. Yusof Cik Wook Yang Disebarkan Oleh Haji Shaari Mohd. Yusof;
 - (viii) Telah berbai'ah (taat setia) dengan Ajaran Ilmu Makrifat (Mengenal Allah/Diri) Oleh Mohd. Yusof Cik Wook Yang Disebarkan Oleh Haji Shaari Mohd. Yusof; atau
 - (ix) Mengamalkan, menyebarkan dan mengembangkan Ajaran Ilmu Makrifat (Mengenal Allah/Diri) Oleh Mohd. Yusof Cik Wook Yang Disebarkan Oleh Haji Shaari Mohd. Yusof.
3. Mana-mana orang yang telah berbai'ah atau mengamalkan Ajaran Ilmu Makrifat (Mengenal Allah/Diri) Oleh Mohd. Yusof Cik Wook Yang Disebarkan Oleh Haji Shaari Mohd. Yusof adalah disifatkan mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar dan hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan kepada Allah SWT.
 4. Apa-apa variasi, versi, bentuk atau cabang mana-mana ajaran, pegangan atau fahaman baru yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur ajaran, pegangan dan fahaman mereka yang berpegang dengan Ajaran Ilmu Makrifat (Mengenal Allah/Diri) Oleh Mohd. Yusof Cik Wook Yang Disebarkan Oleh Haji Shaari Mohd. Yusof adalah disifatkan mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar.
 5. Apa-apa jua bahan publisiti dan sebaran yang menonjolkan ajaran yang berpegang dengan Ajaran Ilmu Makrifat (Mengenal Allah/Diri) Oleh Mohd. Yusof Cik Wook Yang Disebarkan Oleh Haji Shaari Mohd. Yusof atau apa-apa fahaman atau ajaran yang mempunyai persamaan dengannya dalam apa jua bentuk penerbitan dan cetakan atau siaran dalam mana-mana laman sesawang, blog, facebook, *twitter* atau media sosial lain adalah diharamkan.

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH MENGENAI “AJARAN
ILMU MAKRFAT (MENGENAL ALLAH/DIRI) OLEH MOHD. YUSOF
CIK WOOK YANG DISEBARKAN OLEH HAJI SHAARI MOHD. YUSOF” - (*samb.*)

6. Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan yang melakukan perkara-perkara di atas adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Sabah 1995 atau mana-mana undang-undang lain yang berkuat kuasa di Negeri Sabah.

SS. DATUK USTAZ HAJI BUNGSU @ AZIZ BIN HAJI JAAFAR,
*Mufti Kerajaan Negeri Sabah Merangkap
Pengerusi Majlis Fatwa Negeri Sabah.*

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH
MENGENAI “FAHAMAN DAN AJARAN HIZBUT TAHRIR”

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 2/2016 telah bersidang pada 24-26 Mei 2016M/17-19 Syaaban 1437H, bertempat di Mount Kinabalu Heritage Resort & Spa, Kundasang, Sabah bagi membincangkan mengenai perkara “Fahaman dan Ajaran Hizbut Tahrir” dan telah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:

1. Fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir adalah bercanggah dan menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar serta bertentangan dengan pegangan Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah adalah seperti berikut:
 - (a) Bahawa pemerintah, ahli parlimen dan para ulama’ Islam kesemuanya kafir serta harus diperangi kerana menerima sistem kufur;
 - (b) Bahawa negara-negara Islam semuanya negara kafir kerana berhukum dengan sistem kufur dan haram menyertai sistem kerajaan sekarang;
 - (c) Menafikan istilah “*al-Qada’ wa al-Qadar*”;
 - (d) Berpegang kepada fahaman *Qadariyyah*;
 - (e) Bahawa aqidah *Siyasiyyah* lebih penting daripada aqidah *ruhiyyah*;
 - (f) Menolak sumber aqidah melalui hadith *Ahad* kerana boleh membawa kesesatan berasaskan hadith *Ahad* itu dalil *zanni* sedangkan aqidah itu keyakinan; atau
 - (g) Bahawa Nabi dan Rasul tidak maksum sebelum diangkat menjadi Nabi atau Rasul.
2. Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan adalah dilarang dan diharamkan untuk berpegang kepada fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir termasuklah;
 - (a) Menjadi ahli kumpulan fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir;
 - (b) Berada di dalam majlis, perayaan atau sambutan keraian yang boleh dikaitkan dengan fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir;

- (c) Mengisytiharkan diri sebagai ahli kumpulan Hizbut Tahrir melalui pengakuan bersumpah atau apa-apa kaedah lain;
 - (d) Berselindung di sebalik apa-apa aktiviti ekonomi, perniagaan, pendidikan, kesenian dan sebagainya melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat, yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir;
 - (e) Melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang cuba menghidupkan kembali fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir sama ada melalui apa-apa rangkaian, atau mana-mana pertubuhan atau persatuan yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir;
 - (f) Mengajar, menganjur, mengadakan, membantu menjayakan apa-apa perayaan, sambutan keraian atau majlis yang boleh dikaitkan dengan fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir;
 - (g) Memiliki, menyimpan, mencetak, menjual atau mengedar filem, rakaman audio, risalah, buku, majalah atau apa-apa terbitan, risalah atau apa-apa dokumen, atau menggunakan sebarang bentuk lambang, rajah atau tanda-tanda yang boleh mengaitkan fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir di mana-mana harta alih atau tak alih atau;
 - (h) Mengamalkan, menyebarkan dan mengembangkan fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir di Negeri Sabah.
3. Mana-mana orang Islam yang telah berbai'ah atau mengamalkan fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir adalah disifatkan bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar dan hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan kepada Allah SWT.
 4. Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan yang melakukan perkara-perkara di atas adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Sabah 1995 atau mana-mana undang-undang lain yang berkuat kuasa di Negeri Sabah.

SS. DATUK USTAZ HAJI BUNGSU @ AZIZ BIN HAJI JAAFAR,
Mufti Kerajaan Negeri Sabah Merangkap
Pengerusi Majlis Fatwa Negeri Sabah.

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH
MENGENAI “LAPORAN KAJIAN BUKU-BUKU MOHD. HAIRI NONCHI”

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 2/2016 telah bersidang pada 24-26 Mei 2016M/17-19 Syaaban 1437H, bertempat di Mount Kinabalu Heritage Resort & Spa, Kundasang, Sabah bagi membincangkan mengenai perkara “Laporan Kajian Buku-Buku Mohd. Hairi Nonchi” dan telah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH
MENGENAI “LAPORAN KAJIAN BUKU-BUKU MOHD. HAIRI NONCHI” - (*samb.*)

1. Muzakarah telah membincangkan Laporan Kajian Buku-Buku Mohd. Hairi Nonchi seperti berikut:-
 - (i) Aina Allah? Di mana Allah? (Edisi Asal)
 - (ii) Salahkah Aku Menetapkan Sifat Allah Tanpa Tashbih
 - (iii) Orang Kata Wahabi Ialah
 - (iv) Marilah Berzikir Selepas Solat Fardhu Bersama Rasulullah
 - (v) Syirik Dosa Pembatal Akidah & Amalan
 - (vi) Ibn Taimiyyah: Pencetus Akidah Tasybih & Tajsim?
 - (vii) Siapakah Pengikut Imam a-Syafi'e Dan Mazhab Syafie Yang Sebenar?
 - (viii) Menyingkap 61 Fakta Mengenai Wahabi
 - (ix) Katakan Tidak Pada Wahabi
 - (x) Mendulang Cinta Ilahi Dengan Ittiba' al-Rasul
 - (xi) Amal Soleh: Cukupkah Sekadar Niat?
2. Buku-Buku Mohd. Hairi Nonchi yang tersebut di atas adalah mengandungi ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang bertentangan dengan akidah ahli Sunnah Wal Jamaah serta mengelirukan masyarakat Islam. Oleh itu buku-buku berkenaan adalah diharamkan.
3. Bahawa pengharaman ini meliputi apa-apa terbitan sama ada cetak, ditaip, ditulis tangan atau dikeluarkan dengan apa-apa cara lain dan apa-apa bentuk keluaran ulangannya dan termasuklah apa-apa filem seperti wayang gambar, pita rakaman, cakera padat, cakera laser atau sebuah rekod walau bagaimanapun ia dibuat, dari suatu imej berdasarkan penglihatan, yang mana adalah sebuah rekod yang mampu digunakan sebagai suatu alat yang menayangkan isi kandungan buku-buku tersebut di atas untuk dibaca, dilihat dan didengar.
4. Orang-orang Islam adalah dilarang memiliki, menyimpan, mencetak, menjual termasuk mengedarkan untuk dijual apa-apa terbitan berkenaan isi kandung buku tersebut di atas. Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan yang terlibat dengan perkara di atas adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah Enakmen Kesalahan jenayah Syariah Negeri Sabah 1995 atau mana-mana undang-undang lain yang berkuat kuasa di Negeri Sabah.

SS. DATUK USTAZ HAJI BUNGSU @ AZIZ BIN HAJI JAAFAR,
*Mufti Kerajaan Negeri Sabah Merangkap
Pengerusi Majlis Fatwa Negeri Sabah.*

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH
MENGENAI “ALIRAN DAN DAKYAH WAHABIAH”

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil. 3/2016 telah bersidang pada 10-11 Ogos 2016M/7-8 Zulkaedah 1437H, bertempat di Bilik Seri Beringgis, TH Hotel & Residence, Kota Kinabalu, Sabah bagi membincangkan mengenai perkara “Aliran Dan Dakyah Wahabiah” dan telah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:

Aliran dan Dakyah Wahabiah didapati bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menjadi teras pegangan masyarakat Islam di Negeri Sabah. Percanggahan tersebut berdasarkan kepercayaan, perbuatan dan pengamalan aliran Wahabiah seperti berikut:

- (a) Menolak dan menyesatkan pengamal pendekatan Tauhid Sifat 20;
- (b) Menganggap syirik amalan-amalan ahli sunnah seperti perbuatan *tawassul*, *tabarruk* dan *istighathah* dan selawat-selawat yang mengandungi pujian kepada Rasulullah SAW seperti Selawat *Syifa* dan Selawat *Tafrijiyyah*;
- (c) Mendakwa bahawa pengikut aliran Asya’irah dan Maturidiyah tidak termasuk dalam golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah;
- (d) Membid’ahkan pelbagai amalan ahli sunnah yang bersifat *khilafiyah* sebagai melakukan *bid’ah dalalah* dan pengamalannya akan menjadi penghuni neraka;
- (e) Menganggap amalan dan sambutan-sambutan yang dilakukan bertujuan memuliakan Rasulullah SAW sebagai perbuatan syirik;
- (f) Menolak sepenuhnya beramal dengan hadis daif;
- (g) Memahami al-Quran dan al-Sunnah secara makna zahir semata-mata dan menolak pentakwilan dalam memahami teks al-Quran;
- (h) Menolak fahaman bermazhab;
- (i) Menolak kefahaman dan amalan tarikat tasawuf yang muktabar;
- (j) Mempertikaikan ulama Nusantara yang muktabar serta kitab-kitab karya mereka;
- (k) Mempertikaikan fatwa-fatwa atau keputusan pihak berkuasa agama;
- (l) Berpegang dengan fahaman *tashbih* dan *tajsim* berdasarkan zahir ayat dan hadis yang *mutashabihat*; dan
- (m) Mudah mengkafirkan, membid’ahkan dan memfasikkan golongan yang tidak sealaran dengan mereka;

Oleh yang demikian, Majlis Fatwa Negeri Sabah mengambil keputusan bahawa;

- (i) Mana-mana orang Islam, sama ada secara individu atau berkumpulan yang menjadi penyebar aliran dan dakyah Wahabiah adalah disifatkan berfahaman Wahabiah yang bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah aliran Asya’irah dan Maturidiyah;

KEPUTUSAN MAJLIS FATWA NEGERI SABAH
MENGENAI “ALIRAN DAN DAKYAH WAHABIAH” - (*samb.*)

- (ii) Mana-mana orang Islam, sama ada secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan atau persatuan yang menjadi ahli jamaah atau pengikut aliran dan dakyah Wahabiah dengan berselindung di sebalik apa-apa nama, aktiviti ekonomi, perniagaan, pendidikan, kesenian dan sebagainya yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan aliran dan dakyah Wahabiah, adalah disifatkan mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah aliran Asya'irah dan Maturidiyah;
- (iii) Mana-mana orang Islam secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan atau persatuan yang cuba menyebarkan aliran dan dakyah Wahabiah, sama ada melalui apa-apa rangkaian, atau mana-mana pertubuhan atau persatuan yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan aliran dan dakyah Wahabiah adalah disifatkan mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah aliran Asya'irah dan Maturidiyah;
- (iv) Apa-apa variasi, versi, bentuk atau cabang mana-mana aliran dan dakyah Wahabiah atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman baru yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur aliran dan dakyah Wahabiah adalah bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah aliran Asya'irah dan Maturidiyah; atau
- (v) Apa-apa jua bahan publisiti dan sebaran yang menojolkan tokoh, aliran dan dakyah Wahabiah atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman baru yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur aliran dan dakyah Wahabiah dalam apa jua bentuk penerbitan dan cetakan adalah dilarang;
- (v) Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan yang terlibat dengan perkara di atas adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Sabah 1995 atau mana-mana undang-undang lain yang berkuat kuasa di Negeri Sabah.

SS. DATUK USTAZ HAJI BUNGSU @ AZIZ BIN HAJI JAAFAR,
Mufti Kerajaan Negeri Sabah Merangkap
Pengerusi Majlis Fatwa Negeri Sabah.

TENDER NOTICES**No. 274**

[No. JKR. JUB. (S) 600-5/1/370/19]

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada petender-petender untuk membuat tawaran bagi perolehan kerja berikut:-

| Tajuk Projek | Gred, Kategori & Pengkhususan/ Kelas, Kepala & Sub-Kepala | Harga Dokumen Tender | Jenis Tender | Tarikh Melapor Diri, Masa & Tempat bagi Taklimat/Lawatan Tapak |
